

07 JUL 2003

Abdullah-Dasar (Bergambar)

KESINAMBUNGAN DASAR DAHULU BAWA KEJAYAAN NEGARA - ABDULLAH

Oleh: Muna Khalid

BANDAR SERI BEGAWAN, 7 Julai (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata kejayaan Malaysia merupakan hasil daripada kesinambungan pelaksanaan dasar yang baik, diperkenalkan oleh pemimpin terdahulu.

Beliau berkata dasar yang dilaksanakan kerajaan sekarang merupakan dasar yang baik, menguntungkan dan membawa faedah, dan akan diteruskan walaupun kepimpinan berubah.

"Saya akan teruskan dasar kita. Satu perkara yang kita perlu faham bahawa kejayaan sesuatu negara adalah kesinambungan dasar-dasar yang baik," katanya ketika berucap pada majlis ramah mesra dengan rakyat Malaysia di Brunei, di sini hari ini.

Beliau menerangkan langkah yang akan diambil selepas beliau mengambil alih jawatan Perdana Menteri selepas persaraan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Oktober ini.

Katanya pelbagai dasar yang dilaksanakan oleh pemimpin terdahulu telah membawa Malaysia pada tahap yang ada sekarang antaranya Dasar Perpaduan Negara, Dasar Ekonomi Baru dan yang terbaru Dasar Pembangunan Negara Wawasan 2020.

Abdullah berkata Malaysia berjaya kerana ia tidak seperti sesetengah negara yang akan mengubah keseluruhan dasarnya apabila bertukar pemerintah.

"Apabila naik kerajaan baru bertukar dasarnya. Wujud dasar baru kerana pemimpin baru ingin sangat hendak menunjukkan kebolehan, dia nak buat itu dan ini.

"Negara tidak akan membangun dengan baik jika tiada tindakan susulan dan konsisten, tiada kesinambungan dan tiada penerusan," katanya.

Beliau menegaskan bahawa peralihan kuasa daripada Dr Mahathir bukan merupakan 'regime change' atau pertukaran kerajaan.

Abdullah turut mengingatkan rakyat Malaysia yang berada di Brunei supaya terus mengekalkan hubungan baik antara kedua-dua negara.

"Kita hargai hubungan ini dan kita harap ia dapat dipertingkatkan supaya dapat mengeratkan hubungan sesama kita dan kita harap rakyat Malaysia akan menjadi penduduk yang baik dengan menghormati undang-undang negara ini," kata Abdullah.

Timbalan Perdana Menteri juga menjelaskan kepada rakyat Malaysia di sini mengenai pendirian negara terhadap beberapa isu antarabangsa.

Beliau berkata Malaysia tidak akan berkompromi apabila timbul isu yang melibatkan agama, bangsa dan ideologi.

"Kita tetap dengan pendirian kita menentang tindakan unilateral kerajaan (George W) Bush (ke atas Iraq)," katanya.

Beliau berkata bagi isu Palestin pula, kerajaan mahu melihat ia diselesaikan secepat mungkin.

-- BERNAMA

MUN NM RON